

# UMS anjur seminar 1Malaysia November

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan seminar kebangsaan 1Malaysia di sini selama dua hari bermula 1 November ini.

Pengerusi penganjurnya Prof Madya Dr Andreas Totu berkata seminar itu antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang gagasan 1Malaysia dalam konteks akademik.

“Sudah banyak yang diperkatakan tentang gagasan 1Malaysia namun belum ada satu perbincangan yang mendalam mengenainya terutama di kalangan para ahli akademik.

“Sebab itu kita anjurkan seminar kebangsaan 1Malaysia untuk menyelami aspirasi gagasan ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan tengah hari bersama media anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS di sini pada Selasa.

Andreas berkata seminar yang dijangka dihadiri sekitar 100 peserta itu adalah terbuka kepada semua termasuk para ahli akademik dan pihak swasta.

Beliau berkata hampir 80 kertas kerja yang merangkumi pelbagai topik akan dibentangkan.

Konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak antara lain mendahulukan kepentingan rakyat dan mengutamakan perpaduan nasional. —

Bernamea 2